

Ahli BGS UUM Disaran Teladani Sifat Rasulullah S.A.W Untuk Jadi Pemimpin Hebat

Unit Komunikasi Korporat

Fri 10/6/2017 3:21 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



06 OKTOBER 2017 / 16 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

AHLI BGS UUM DISARAN TELADANI SIFAT RASULULLAH S.A.W UNTUK JADI PEMIMPIN HEBAT





UUM ONLINE: Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terpilih menganggotai persatuan elit, Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM disaran memiliki dan mengikuti empat sifat Rasulullah S.A.W untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata sebagai sebuah persatuan elit, ahli-ahli BGS perlu mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi dan Nabi Muhammad S.A.W adalah contoh terbaik seorang pemimpin yang agung.

"Untuk menjadi pemimpin hebat, mahasiswa disaran meneladani empat sifat yang ada pada Rasulullah S.A.W iaitu Siddiq (benar atau jujur), Amanah (dipercayai), Tabligh (menyampaikan) dan Fatonah (bijaksana)," ujarinya ketika berucap pada majlis An Afternoon Tea With VC bersama ahli-ahli BGS UUM di EDC Hotels and Resorts semalam.

Menurut Naib Canselor lagi, seorang pemimpin juga perlu mempunyai sifat rendah hati dan kesetiaan serta perlu menjauhi 7 Dosa Besar yang boleh menghancurkan, seperti disebut Mahathma Gandhi iaitu kekayaan tanpa kerja (wealth without work), kesenangan tanpa kesedaran (pleasure without conscience), pengetahuan tanpa karakter (knowledge without character), perdagangan tanpa moral (commerce without morality), ilmu tanpa kemanusiaan (science without humanity), ibadah tanpa pengorbanan (worship without sacrifice) dan politik tanpa prinsip (politics without principle).

BGS merupakan satu-satunya persatuan penghormatan akademik yang memberi pengiktirafan kepada pelajar cemerlang dalam bidang perniagaan di institusi yang diiktiraf oleh Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) termasuk UUM yang kini mempunyai seramai 75 orang ahli.

Pada majlis itu juga Naib Canselor melancarkan BGS UUM YouTube Channel, saluran yang diwujudkan bagi mempromosi dan berkongsi aktiviti BGS UUM. Turut diadakan sesi dialog Naib Canselor bersama ahli-ahli BGS.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



UUM Consider

UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

10/8/2017

Ahli BGS UUM Disaran Teladani Sifat Rasulull... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.